



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SABTU / 2 SEPTEMBER 2023**

- 1. HARGA BERAS IMPORT PUTIH NAIK KEPADA RM 3,000 PER TAN METRIK – KOSMO**
- 2. RAMPAS TANAH PERTANIAN DITUKAR KE PROJEK PEMBANGUNAN – UTUSAN MALAYSIA**
- 3. BERNAS UMUM PELARASAN HARGA BERAS IMPORT PUTIH – UTUSAN MALAYSIA**
- 4. 100 JUTA BANGUN PROGRAM USAHAWAN TANI – UTUSAN MALAYSIA**
- 5. BERNAS NAIKKAN HARGA BERAS PUTIH IMPORT – BERITA HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**  
**TARIKH : 2 SEPTEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## Harga beras putih import naik kepada RM3,200 per tan metrik

**PETALING JAYA** – Harga jualan beras putih import seluruh negara diselaraskan daripada RM2,350 kepada RM3,200 per tan metrik berkuat kuasa semalam.

Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dalam kenyataan berkata, pelarasan itu sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Menurut Bernas, pihaknya telah mengharungi separuh tahun pertama yang mencabar akibat ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran mata wang asing semakin lemah, kos operasi yang tinggi serta konflik serantau.

“Faktor-faktor ini secara kolektif telah mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksporan beras putih yang diumumkan India.

“Selépas mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mampan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan,” katanya



**HARGA jualan terkini beras putih import kini meningkat kepada RM3,200 berkuat kuasa semalam.**

menerusi kenyataan tersebut semalam.

Dalam pada itu, Bernas turut bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi menjamin bekalan beras yang stabil.

“Meskipun pasaran makanan global kini tidak menentu dan

kian mencabar, Bernas kekal utuh dan berdaya saing.

“Kami turut mengambil langkah yang bersesuaian dalam menjamin daya tahan pasaran beras domestik dengan memastikan kualiti, kestabilan harga dan ketersediaan produk. Ini adalah peranan kami sebagai gatekeeper tunggal bagi padi dan beras negara,” ujarnya.

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**TARIKH : 2 SEPTEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

# Rampas tanah pertanian ditukar ke projek pembangunan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani\_bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kanun Tanah Negara 1965 membenarkan pihak berkuasa negeri merampas tanah berstatus pertanian yang dijadikan pembangunan komersial oleh mana-mana individu dan syarikat tanpa keizinan.

Pemilik tanah sepatutnya menggunakan tanah berkenaan mengikut kategori kegunaan dan syarat nyata dalam hak milik dan bukannya membangunkan projek pembangunan atau menukar status tanpa kebenaran kerajaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peguam kanan, Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, peruntukkan undang-undang di bawah Seksyen 52 Kanun Tanah Negara 1965 telah menetapkan semua tanah yang diberi milik terbahagi kepada tiga kategori kegunaan iaitu pertanian, bangunan dan industri.

Beliau berkata, semua pemi-

lik tanah sepatutnya menggunakan tanah berkenaan mengikut kategori kegunaan tanah dan syarat nyata dalam hak milik dan bukannya sewenang-wenang menukar status tanpa keizinan.

Katanya, kegagalan mematuhi perkara itu merupakan satu kesalahan apatah sewenang-wenangnya menggunakan tanah pertanian sebagai pembangunan komersial untuk mengaut untung berlipat kali ganda.

"Sepatutnya pemilik kena mohon kepada pihak pejabat tanah untuk tukar status pertanian kepada pembangunan atau industri. Pihak berkuasa akan mempertimbang permohonan ini sama ada dibenarkan atau tidak.

"Ada peruntukkan di bawah undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara terhadap tindakan menukar status tanah tanpa kebenaran. Ia perlu ada permohonan, tetapi selalunya pihak berkuasa kena tengok dahulu kewajaran untuk meluluskan pertukaran status tanah,"

katanya.

Akhbar ini sebelum ini melaporkan masa depan keterjaminan makanan negara khususnya membabitkan beras yang merupakan makanan ruji rakyat berisiko terjejas apabila keluasan kawasan tanah bendang menyusut sama ada bagi tujuan pembangunan atau lain.

Ia ekoran hasil padi menurun apabila ada pesawah beralih kepada tanaman lain, menebus guna tanah untuk pembinaan rumah persendirian atau inap desa selain bagi tujuan pembangunan.

Pada masa sama, Mohamed Haniff Khatri berkata, pemilik yang ingin menggunakan tanah untuk kategori selain daripada yang tercatat dalam hak milik perlu mengambil tindakan untuk mengubah kategori kegunaan tersebut.

Katanya, perkara itu dibenarkan di bawah Seksyen 124 dan 124A Kanun Tanah Negara 1965 dan juga Kaedah-Kaedah Tanah Negeri membolehkan pemilik

tanah berbuat demikian.

Pada kebiasaannya, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan membuat penilaian sebagai asas kepada perkiraan bayaran premium tambahan bagi setiap permohonan tukar syarat dengan perkiraan kadar premium tambahan serta asas penilaian adalah berbeza bagi setiap negeri sebagaimana Kaedah-Kaedah Tanah Negeri masing-masing.

Sementara itu, Mohamed Haniff Khatri memaklumkan, pihak berkuasa juga boleh merampas tanah pertanian terbiar yang didapati gagal mematuhi syarat milik termasuk tidak membayar cukai kepada kerajaan.

Sebaliknya kata beliau, keadaan itu bergantung kepada kes demi kes dan pertimbangan pihak berkuasa dengan melihat kewajaran untuk menggunakan tanah kosong jika pemilik tanah gagal mematuhi undang-undang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara.



**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**TARIKH : 2 SEPTEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

# Bernas umum pelarasan harga beras putih import

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
[juani.bakar@mediamula.com.my](mailto:juani.bakar@mediamula.com.my)

**PETALING JAYA:** Padiberas Nasional Berhad (Bernas) mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import di pintu gudangnya seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa mulai 1 September sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Bernas dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran matawang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Katanya, faktor-faktor itu secara kolektif telah mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pekeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

"Bernas telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Walaupun bagaimanapun, akibat ketidakpastian keadaan semasa dan setelah mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mampan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan buat masa ini," katanya.

Pasaran beras beberapa negara termasuk ASEAN melonjak pada minggu lalu ke tahap tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh 10 tahun lalu, berikutan tindakan India melarang eksport beras putih bukan basmati, baru-baru ini.

Misalnya harga gred beras Vietnam lima peratus pecah pada 27 Julai melonjak ke tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, iaitu AS\$550 - AS\$575 (RM2,500 - RM3,470) setiap tan, menandakan harga tertinggi sejak 2011.

Sementara itu, pasaran beras Thailand juga mengalami lonjakan harga yang selari apabila

pada 27 Julai, harga gred beras Thailand lima peratus pecah melonjak pada AS\$605-AS\$610 (RM2,742 - RM2,765) setiap tan, mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh 11 tahun lalu.

Kelmarin, Filipina mengumumkan penetapan harga siling beras bertujuan memastikan kos makanan ruji negara itu terkawal, sekali gus menangani kenaikan harga runcit yang membimbangkan apabila siling bagi beras biasa dan spesial ditetapkan masing-masing 41 peso (RM3.37) serta 45 peso (RM3.69) sekilogram dengan kadar terbabat berkuat kuasa hingga keputusan lanjut oleh Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr.

Dalam pada itu, Bernas memaklumkan bahawa pihaknya turut bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi menjamin bekalan beras yang stabil untuk Malaysia kerana keselamatan makanan negara dan kepen-

tingan rakyat kekal menjadi keutamaan syarikat itu.

"Walaupun pasaran makanan global kini tidak menentu dan kian mencabar, Bernas kekal utuh dan berdaya saing. Kami turut mengambil langkah bersesuaian dalam meningkatkan dan menjamin daya tahan pasaran beras domestik dengan memastikan kualiti, kestabilan harga dan ketersediaan produk. Ini adalah peranan kami sebagai pengawal tunggal bagi padi dan beras negara.

"Bernas kekal komited untuk memastikan bekalan beras negara mencukupi, bertindak sebagai penyerap kejutan bagi menghalang kesan negatif akibat ketidaktentuan pasaran beras global semasa dari melanda negara," katanya.

Kata Bernas, pihaknya akan terus memantau pasaran harga beras antarabangsa dan menyesuaikan apabila situasi kembali seperti sedia kala.

"Malaysia merupakan negara Asia Tenggara yang masih mengekalkan harga import beras terendah," kata Bernas.

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**TARIKH : 2 SEPTEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## RM100 juta bangun program usahawan tani - Rafizi

### Dari muka 1

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, untuk itu, model baharu pelaksanaan program itu diperkenalkan dengan penyertaan syarikat-syarikat swasta terpilih secara *request for proposal* (RFP) yang mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk menjadi rakan strategik kerajaan dan orang awam bersama mengusahakan projek pengeluaran hasil pertanian di seluruh negara.

"Projek pertanian yang bo-

leh diusahakan adalah tanaman atau ternakan yang memberikan hasil dalam tempoh kurang daripada dua tahun dan mempunyai potensi penggunaan teknologi.

"Sebanyak tujuh Pihak Berkuasa Koridor (PBK) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) diberi tanggungjawab mengeluarkan jemputan RFP, membuat pemilihan, melantik dan memantau projek-projek ini berdasarkan perjanjian antara kedua-dua belah pihak," katanya di sini semalam.

Rafizi berkata, pelaksanaan

projek itu boleh dilaksanakan sama ada di atas tanah kerajaan (Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Badan Berkanun Persekutuan/Badan Berkanun Negeri) atau tanah milik persendirian.

Jelasnya, kerajaan akan membiayai sepenuhnya kos pelaksanaan projek termasuk kos operasi untuk pusingan pertama tanaman atau ternakan yang diusahakan sekiranya projek diusahakan di atas tanah milik kerajaan.

Bagi projek di tanah milik persendirian kata beliau, kerajaan akan membiayai melalui

geran padanan secara imbuhan balik pada kadar 50:50 (kerajaan:syarikat) berdasarkan jenis perbelanjaan yang layak.

"Had pembiayaan adalah RM5 juta bagi setiap permohonan (anggaran luas kawasan 40 ekar) dan tidak melebihi RM25 juta bagi setiap syarikat.

"Tuntutan imbuhan semula dibuat selepas syarikat menyelesaikan keseluruhan projek. Antara skop pembiayaan termasuk infrastruktur asas projek, infrastruktur projek pertanian dan kos operasi musim pertama," katanya.

**KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**TARIKH : 2 SEPTEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## BERNAS naikkan harga beras putih import

**Kuala Lumpur:** Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 berkuat kuasa semalam.

BERNAS berkata, langkah pelarasan itu juga sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Melalui kenyataan semalam, katanya, BERNAS mengharungi

separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidakpastian pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran mata wang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Katanya, faktor itu secara kolektif mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan ke-

san larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

"BERNAS telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Walaupun bagaimanapun, akibat ketidakpastian keadaan semasa dan setelah mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mam-

pan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan buat masa ini," katanya.

Seiring langkah peningkatan harga itu, BERNAS komited terus memberi jaminan bekalan beras akan kekal stabil untuk Malaysia kerana keselamatan makanan dan kepentingan rakyat kekal menjadi keutamaannya.

Kumpulan juga, katanya menjalin kerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi tujuan itu.

Katanya, walaupun pasaran makanan global kini tidak menentu dan kian mencabar, BERNAS kekal utuh dan berdayasaing.